

Pelajar yang sertai PUM boleh teruskan perniagaan di kampus

KOTA KINABALU: Pelajar sekolah menengah yang menyertai Program Usaha Maju (PUM) dan dapat memasuki institusi pengajian tinggi awam (IPTA), boleh meneruskan perniagaan mereka di kampus menerusi Program Pembangunan Usaha Siswa (PPUS) yang diwujudkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan.

Menteri Pembangunan Perindustrian negeri, Datuk Wances Anggang, berkata menerusi PPUS juga pelajar terbabit boleh menyertai bengkel dan seminar keusahawanan di bawah Latihan Keusahawanan Siswa (LKS) yang menyediakan tujuh modul latihan secara sistematik.

Menurutnya, sebaik sahaja menamatkan pengajian, pelajar terbabit boleh menyertai skim usahawan siswazah sebagai kerjaya yang turut menawarkan pembiayaan kewangan antara RM20,000 hingga 250,000.

"Ini adalah usaha kerajaan untuk melaksanakan program pembudayaan keusahawanan di kalangan pelajar bermula di peringkat sekolah menengah untuk memastikan mereka dilatih sebagai usahawan yang berkualiti, berdaya tahan, bersaing dan maju," katanya.

Beliau berucap pada Konvensyen PUM

2002/2003 di Dewan Kuliah Pusat, Universiti Malaysia Sabah (UMS), di Teluk Likas, kelmarin.

Teks ucapan beliau disampaikan oleh Pembantu Menteri Samsu Baharun Abd Rahman.

Wances berkata, pada peringkat awal PUM yang menjadi pemangkin penubuhan syarikat perniagaan di sekolah menengah di negeri ini adalah usaha kerajaan mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera yang terlatih, berdaya maju dan saing.

Menurutnya, kerajaan juga melihat pelaksanaan PUM sebagai program pembudayaan keusahawanan jangka panjang untuk mempercepatkan matlamat masyarakat perdagangan yang mampu menghadapi cabaran era teknologi maklumat dan globalisasi masa kini.

Katanya, memulakan pelaksanaan program di peringkat pelajar sekolah akan memudahkan kefahaman mereka untuk lebih mantap meninjau peluang perniagaan, pemasaran, penyediaan pembiayaan dan infrastruktur perniagaan.

"Dengan sendirinya PUM ini bakal melahirkan usahawan yang berkualiti dan

berdaya maju, walaupun mereka memerlukan daya usaha sendiri untuk terus belajar pelbagai aspek selok-belok perniagaan," katanya.

Wances berkata, untuk merealisasikan hasrat kerajaan, pelajar yang menyertai PUM ini perlu pro-aktif, serta bijak menganalisis serta merancang perniagaan mereka sebelum unsur negatif berlaku serta menjejaskan perniagaan mereka.

Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengumpul kira-kira RM10,000 hasil kutipan kakitangan, pegawai dan pelajar untuk Tabung Kutipan Kemanusiaan Rakyat Iraq.

Naib Canselor UMS, Tan Sri Prof Dr Abu Hassan Othman, berkata pihaknya akan menyerahkan derma kutipan itu kepada Jabatan Pendidikan tdiak lama lagi.

Beliau berkata, antara pihak etrbabit dalam kutipan itu termasuk pejabat Canselori, pejabat Pendaftar, Bendahari, unit dan jabatan serta sekolah.

"Sumbangan derma ini untuk kami sama-sama dengan rakyat negara ini meringankan beban rakyat Iraq kerana peperangan," katanya pada majlis penyerahan derma di kampus itu, kelmarin.